



SIARAN MEDIA

PERUNTUKAN RM520 JUTA SENTUHAN KASIH KPKT UNTUK KESEJAHTERAAN PENDUDUK TELUK INTAN

TELUK INTAN, 14 Jun 2024 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memperuntukkan **RM519,706,640.00** bagi pelaksanaan projek pembangunan dan naik taraf di kawasan Parlimen Teluk Intan menerusi Program Sentuhan Kasih KPKT di Teluk Intan pada pagi ini. Peruntukan ini adalah bertujuan bagi menaik taraf 28 projek infrastruktur awam, pembangunan, perumahan serta landskap bagi manfaat dan kesejahteraan penduduk setempat.

KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM8,706,640.00** untuk pelaksanaan projek-projek naik taraf seperti berikut :

1. Projek Kampung Angkat MADANI- Kampung Bahagia, Hilir Perak, Perak sebanyak **RM2,500,000.00**;
2. Program Baik Pulih Rumah di Bandar Parlimen Teluk Intan sebanyak **RM80,000.00**;
3. Menaik taraf tangki air dan kerja-kerja berkaitan di Pangsa Sri Nibong, Jalan Sg. Nibong dan Pangsa Ria, Jalan Sultan Abdullah sebanyak **RM200,000.00**; dan
4. Menaik taraf bagi medan selera, lampu jalan, longkang, kawasan kolam takungan, Plaza R&R Batu 5, kemudahan asas di medan selera dan gerai, tandas awam, pemasangan *smart pole* beserta fasiliti, tambahan paun anjing di stor MPTI, pasar awam, kemudahan asas di gelanggang bola tampar dan pembangunan taman rekreasi MADANI di bawah seliaan Majlis Perbandaran Teluk Intan sebanyak **RM5,926,640.**

Dalam siri Jelajah Sentuhan Kasih KPKT di Teluk Intan ini juga, pasukan KPKT telah turun padang **meninjau projek pembangunan yang akan dilaksanakan di Kampung Bahagia, Hilir Perak, Perak iaitu Kampung Angkat MADANI KPKT.** Program Kampung Angkat MADANI telah diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Belanjawan 2024 dengan hasrat untuk memberi manfaat kepada masyarakat setempat serta komuniti perniagaan tempatan, selain merangsang aktiviti ekonomi negara terutama di luar bandar.

Menurut Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) “KPKT berharap Program Kampung Angkat MADANI ini bukan sahaja dapat meningkatkan infrastruktur awam tapi juga dapat memupuk kerjasama antara Kerajaan dengan pemimpin setempat serta rakyat”.

Menerusi lawatan kerja ke Kampung Bahagia, YB KM telah melawat projek menaik taraf Jeti Lorong Masjid, gelanggang futsal dan Kampung Geghotak Bahagia. **Sebanyak RM2.5 juta telah diperuntukkan untuk program naik taraf infrastruktur di Kampung Bahagia** seperti berikut:-

1. **Naik Taraf Jeti Lorong Masjid** - Membaikpulih dan menaik taraf fasiliti jeti sedia ada supaya lebih selamat dan selesa seterusnya memberi impak positif terhadap aspek sosioekonomi penduduk setempat.
2. **Pengindahan Kawasan Geghotak Bahagia** (Jambatan Anson) – Menaik taraf dan membina *viewing deck* di mercu tanda Geghotak Bahagia sedia ada dengan hasrat untuk menjadikannya produk pelancongan yang berpotensi bagi menarik kehadiran pelancong sekaligus menjana ekonomi penduduk setempat.
3. **Naik Taraf Gelanggang Futsal** – Menaik taraf gelanggang futsal sedia ada kepada gelanggang serbaguna (futsal, sepak takraw dan bola tampar). Ia bertujuan untuk memupuk budaya hidup sihat dalam kalangan penduduk kampung serta menyediakan kawasan riadah yang selesa.

4. **Membina mercu tanda** yang akan diinspirasikan daripada Jambatan Telok Anson (Geghotak Bahagia) sebagai simbol '*heritage*' Kampung Bahagia, Teluk Intan.

Di samping itu juga, KPKT menerusi Perbadanan PR1MA Malaysia akan melaksanakan pembangunan Projek Bandar PR1MA Teluk Intan yang dianggarkan bernilai **RM511 juta**. Bandar PR1MA itu akan menawarkan unit kediaman mampu milik berkualiti tinggi serta perancangan bandar yang mampan, lestari dan selesa.

Bersempena dengan lawatan Sentuhan Kasih KPKT, YB KM turut menyempurnakan **Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Bandar PR1MA Teluk Intan**. Projek Bandar PR1MA Teluk Intan yang terletak di atas tanah seluas lebih 140 ekar milik PR1MA merupakan projek terbesar PR1MA setakat ini. Projek ini menyediakan lebih daripada 1,500 unit kediaman dan mempunyai kemudahan komuniti seperti taman rekreasi berpusat (*central park*) berhadapan tasik, dewan serbaguna, masjid, taska, tadika dan medan selera.

Pada akhir siri lawatan, YB KM turut berkunjung ke Sekolah Jenis Kebangsaan (C) San Min No.1 dan No.2, Teluk Intan untuk menyempurnakan **Majlis Pelancaran Bomba Junior**. Bomba Junior dilihat sebagai salah satu inisiatif Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) untuk memupuk budaya keselamatan kebakaran di peringkat awal terutamanya dalam kalangan pelajar sekolah.

Menurut YB KM, "Peruntukan yang diluluskan oleh KPKT ini adalah **belanjawan berasaskan prestasi** atau "***performance-based budget***". Ini bagi memastikan perkhidmatan dan fokus KPKT dalam penambahbaikan infrastruktur awam dapat terus dipertingkatkan serta memastikan bahawa setiap projek tidak hanya memberi manfaat kepada komuniti tetapi juga berdaya maju dari segi ekonomi".

Turut hadir bersama ialah Timbalan Menteri KPKT, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira M Noor Azman Bin Taib, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Teluk Intan; YBrs. Tuan Zairul bin Kasim; Timbalan Ketua Setiausaha KPKT (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti), Tuan Haji Suhaimi Bin Ali @ Ahmad; Pegawai Daerah Pejabat Daerah Hilir Perak, Encik Saidi bin Haji Shaari dan juga barisan pengurusan tertinggi KPKT.

KPKT melalui jabatan dan agensi di bawahnya akan sentiasa bekerjasama dengan semua pihak di seluruh negara bagi memastikan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat di negara ini dapat dibangunkan secara holistik dan berdaya huni.

*#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertwi*

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

